

IPT perlu mengepalai usaha kerajaan

PUTRAJAYA 21 Julai – Sektor pengajian tinggi tempatan digesa agar mengepalai usaha kerajaan dalam mencapai matlamat pembangunan masyarakat mapan pada masa depan.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, ia selaras status universiti sebagai tempat lahirnya para pemikir cemerlang dan terbaik dalam masyarakat.

Menurutnya, ia juga sejajar dengan

penekanan Perdana Menteri terhadap soal inovatif dan kreativiti untuk memenuhi cabaran pembangunan negara.

“Kita bukan hanya perlu berinovasi dan melihat kepada idea yang besar tetapi harus berani dalam menempuh serta memenuhi cabaran di depan kita.

“Malah kita juga perlu menimbulangkan model pembangunan alternatif dan mempunyai pendekatan yang fleksibel,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmian Persidangan Antarabangsa Berkenaan Pembangunan Masyarakat Mapan anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini hari ini.

Teks ucapannya dibacakan oleh Naib Canselor UPM, Prof Tan Sri Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.

Persidangan selama tiga hari yang bermula semalam memberi peluang kepada penyelidik, mahasiswa dan penggubal dasar dalam bidang ko-

muniti berkongsi maklumat, menganal pasti cabaran dan menyediakan idea bagi mencapai pembangunan masyarakat yang mapan.

Mohamed Khaled memberitahu, pendidikan merupakan elemen utama bagi memastikan usaha pembangunan masyarakat mapan dilakukan secara berterusan.

Beliau menambah, melalui pendidikan, nilai-nilai yang pelbagai dan sumbangan manusia dapat diserap ke dalam masyarakat.



DR. NIK Mustapha R. Abdullah (kiri) merasmikan Persidangan Antarabangsa Berkemaan Pembangunan Masyarakat Mapan di Putrajaya semalam.